

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 21 TAHUN 1975

PENYELARASAN GAJI BAGI GURU-GURU DALAM
PERKHIDMATAN PELAJARAN YANG MEMILIKI
IJAZAH DARIPADA UNIVERSITI-UNIVERSITI INDIA

Berikutan dengan pelaksanaan Pekeliling-pekelling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971 dan 14 Tahun 1973 kedudukan Guru-guru dalam Perkhidmatan Pelajaran yang memiliki Ijazah-ijazah dari Universiti-universiti India adalah seperti berikut:

- (a) Guru-guru dalam Perkhidmatan Kerajaan/Bukan Kerajaan/Perkhidmatan Guru-guru Yang Dipersatukan (Unified Teaching Service) yang sebelum pelaksanaan Laporan Aziz telah tidak diberi tanggagaji bagi Guru-guru Berijazah, telah ditempatkan ke dalam tanggagaji Kategori D3 ($\$640 \times 40-720$ /Sekatan Percubaan/ $760 \times 40-960$ /Sekatan Kecekapan/ $1,000 \times 50-1,200$ /Sekatan Kekosongan) jika mereka mempunyai Latihan Perguruan atau ke dalam tanggagaji Kategori D6 ($\$520 \times 40-600$) jika mereka tidak mempunyai Latihan Perguruan mulai 1hb Januari, 1973;
- (b) Guru-guru dalam Perkhidmatan Guru-guru Yang Dipersatukan dan Guru-guru Bukan Kerajaan yang sebelum pelaksanaan Laporan Aziz berada atas tanggagaji Guru-guru Berijazah, telah ditempatkan ke dalam tanggagaji Kategori D3 mulai 1hb Januari, 1970;
- (c) Guru-guru Kerajaan yang sebelum pelaksanaan Laporan Aziz berada atas tanggagaji Guru-guru Berijazah, telah ditempatkan ke dalam tanggagaji Kategori D2 ($\$700 \times 50-800$ /Sekatan Percubaan/ $850 \times 50-1,050$ /Sekatan Kecekapan Pertama/ $1,150 \times 50-1,300$ /Sekatan Kecekapan Kedua/ $1,350 \times 50-1,550$) mulai 1hb Januari, 1970.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mulai daripada 1hb Januari, 1975 Kerajaan telah memutuskan supaya Guru-guru yang disebutkan dalam perenggan 1 (b) di atas yang kini berada dalam tanggagaji Kategori D3, akan ditempatkan ke dalam tanggagaji Kategori D2. Dengan itu, penyelarasan gaji dari tanggagaji Kategori D3 ke tanggagaji Kategori D2 hendaklah dilakukan dan tunggakan gaji boleh dibayar, jika ada, mulai daripada 1hb Januari, 1975.

3. Guru-guru yang disebutkan dalam perenggan 1 (a) dan 1 (c) di atas pula, tidak akan terlibat dengan keputusan di perenggan 2 di atas. Oleh itu kedudukan tanggagaji dan Kategori mereka sekarang dalam Perkhidmatan Pelajaran tidak akan berubah dan mereka akan terus kekal dalam tanggagaji dan Kategori masing-masing.
4. Sayugia dimaklumkan bahawa penyelarasan gaji seperti yang diluluskan dalam perenggan 2 di atas adalah atas dasar Khas Untuk Penyandang dan terhad kepada Guru-guru dalam gulungan yang ditujukan yang sedang berkhidmat dan telah membuat pilihan sendiri untuk memasuki ke dalam Perkhidmatan Pelajaran menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971. Penempatan semula serta penyelarasan gaji Guru-guru yang dimaksudkan ini hendaklah dibuat mengikut Sifir-sifir Pemindahan yang disertakan bersama-sama Pekeliling Perkhidmatan ini di Lampiran I, II, III dan IV bagi mereka yang ditempatkan dari Kategori D3 ke Kategori D2.
5. Sekiranya tarikh kenaikan gaji seseorang Guru itu jatuh pada 1hb Januari, 1975, maka tarikh kenaikan gajinya hendaklah dianggap sebagai pada 31hb Disember, 1974 bagi maksud penyelarasan gaji bersih menurut Lampiran-lampiran I, II, III dan IV.
6. Tarikh kenaikan gaji seseorang Guru yang berpindah dari satu matagaji dalam tanggagaji sekarang (Kategori D3) kepada matagaji yang bersaing dalam tanggagaji Kategori D2 tidak akan berubah. Sekiranya dua matagaji dalam tanggagaji sekarang sebagaimana yang terdapat dalam Sifir-sifir Pemindahan tersebut dikumpul bersama-sama dan dipindahkan kepada satu matagaji dalam tanggagaji Kategori D2, maka tarikh kenaikan gaji Guru-guru yang berkenaan itu akan berubah mengikut rumusan di Lampiran V kepada Pekeliling Perkhidmatan ini.
7. Peraturan-peraturan bagi melangkah Sekatan Percubaan yang dinyatakan dalam perenggan 15 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971, seperti yang telah dipinda oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 Tahun 1974, hendaklah terus digunakan bagi maksud Pekeliling ini. Ini bermakna bahawa jika seseorang Guru yang telah disahkan dalam jawatannya di dalam Kategori D3 sebelum 1hb Januari, 1975, ianya akan terus dianggap sebagai telah disahkan dalam jawatannya apabila ditempatkan ke dalam Kategori D2 dan sebaliknya jika seseorang Guru itu belum lagi disahkan dalam jawatannya ianya adalah dikehendaki memenuhi semua syarat-syarat untuk disahkan dalam jawatannya seperti yang terdapat dalam Sekim Perkhidmatan bagi Guru-guru Kategori D2.

DATUK ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.

19hb Oktober, 1975.